

MORFEM { me- } DAN NASALISASI SEBAGAI IMBUHAN KATA NAMAAN DALAM BAHASA MELAYU DAN BAHASA IBAN

Rohani Mohd. Yusof

Abstrak

Dalam bahasa Melayu dan Iban, kata kompleks yang terdiri daripada kata namaan dan kata karyaan dibentuk menerusi pengimbuhan dan penggandaan. Salah satu cara mengimbuh ialah menerusi penggunaan morfem { me- } untuk menerbitkan kata karyaan kompleks. Secara sinkronik, dalam bahasa Melayu morfem { me- } muncul bersama-sama proses nasalisasi. Sebaliknya juga, morfem ini mempunyai padanannya dalam bahasa Iban, misalnya dalam proses nasalisasi, { eN- } dan { me- }. Walau bagaimanapun, { me- } dalam bahasa Iban mungkin wujud akibat pengaruh bahasa Melayu. Walaupun perkataan yang muncul apabila digandingkan dengan awalan { me- } atau { eN- } tergolong dalam kata karyaan, dalam kes-kes tertentu morfem ini boleh berfungsi menerbitkan kata namaan. Kertas kerja ini mencuba meninjau fungsi nominal/namaan { me- } dan { eN- } dalam bahasa Melayu dan bahasa Iban.

Abstract

In Malay and Iban, complex words are formed by affixation and reduplication comprises of nominals and verbals. One way of affixation is by using the morpheme { me- } in order to produce complex words which is verbal. Synchronically in Malay, morpheme { me- } occurs with nasalization. On the other hand, this morpheme has its correspondences in Iban such as in nasalization, { eN- } and { me- }. But { me- } could have come into the language due to the influence of Malay. Even though words derive from the prefixes { me- } or { eN- } are of the verbal class, in certain cases these morphemes can as well function in the derivation of nominals. Therefore this paper attempts to investigate the nominal function of { me- } and { eN- } in both Malay and Iban languages.

PENDAHULUAN

Bahasa-bahasa Austronesia tergolong ke dalam golongan bahasa aglutinatif. Ini berarti bahwa bahasa-bahasa ini bergantung kepada morfem terikat atau imbuhan dalam membentuk kata. Menurut Asmah Haji Omar (1983:64) penggunaan imbuhan adalah sebagai:

"... class-markers, as conveyors of concepts and as a tool for the derivation of a paradigm of words from a single root."

Dalam bahasa-bahasa Austronesia, imbuhan terbahagi kepada beberapa jenis (Asmah Haji Omar, 1983:64), iaitu:

1. Awalan
2. Akhiran
3. Sisipan
4. Nasalisasi
5. Morfem terikat-terbahagi

Awalan adalah morfem terikat yang hadir sebelum sesuatu kata akar. Dalam kebanyakan bahasa Austronesia, awalan lebih kerap digunakan dan keanggotaannya juga melebihi jumlah morfem-morfem terikat yang lain (Asmah Haji Omar, 1983:64). Begitu juga dengan senarai alomorfnya yang lebih banyak berbanding dengan morfem-morfem terikat yang lain.

Manakala akhiran pula adalah morfem yang diletakkan selepas kata akar. Bagaimanapun, bilangan akhiran dalam kebanyakan bahasa Austronesia tidaklah besar jumlahnya. Misalnya dalam BM terdapat tiga akhiran sahaja, iaitu { -an }, { -kan } dan { -i }. Sisipan pula adalah morfem terikat yang kebiasaannya tersisip dalam kata. Walau bagaimanapun, kedudukannya dalam kata adalah tidak tetap dan bergantung kepada fonem pertama kata akar (Asmah Haji Omar, 1983:67). Bagi BM, penyisipan dianggap sebagai proses yang sudah tua, iaitu sebagai peninggalan lama yang sudah tenggelam dari penggunaan sehari-hari dan tidak produktif lagi (rujuk Asmah Haji Omar, 1993(a):61–62).

Jenis seterusnya daripada morfem terikat adalah nasalisasi atau simulfiks yang boleh bertindak sebagai pengganti dan penambah. Dalam peraturan ini, sekiranya fonem pertama kata akar terdiri daripada bunyi konsonan, maka bunyi tersebut akan digantikan dengan satu bunyi nasal yang homogan. Sebaliknya jika secara fonemik, fonem pertama kata akar didahului oleh bunyi vokal, maka bunyi nasal akan ditambahkan pada vokal berkenaan.

Jenis morfem terikat yang seterusnya adalah morfem terikat terbahagi.

Dari segi kehadiran, morfem ini adalah terpisah kedudukannya oleh kata akar. Morfem terikat terbahagi berfungsi serentak sebagai satu unit (Asmah Haji Omar, 1983:65) dalam pembentukan kata dan tidak boleh dipisahkan binaannya. Sekiranya ini berlaku, maka akan timbul perbezaan makna dalam kelas kata. Seperti juga kata, imbuhan dapat dibahagikan kepada golongan kata namaan dan kata karyaan yang seterusnya boleh berfungsi sebagai penetat dan pengubah golongan kata.

Proses morfologi yang seterusnya ialah proses penggandaan. Penggandaan adalah suatu proses umum yang terdapat dalam bahasa-bahasa Austronesia di Malaysia (Asmah Haji Omar, 1983:42). Dengan penggandaan bererti berlaku pengulangan bagi bahagian-bahagian tertentu kata. Secara am, penggandaan dalam bahasa-bahasa Austronesia terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

1. Penggandaan seluruh kata/ penuh
2. Penggandaan kata akar/ sebahagian
3. Penggandaan berirama/ berentak

SKOP KAJIAN

Secara keseluruhan kajian ini hanya menumpukan kepada dua bahasa sahaja, iaitu bahasa Melayu (seterusnya BM) dan bahasa Iban (seterusnya Bib). Bagaimanapun, penelitian turut dilakukan terhadap bahasa-bahasa Austronesia yang lain sekiranya perlu. Namun demikian tumpuannya hanya pada bahasa-bahasa Austronesia di Malaysia, terutamanya bahasa-bahasa bumiputera di Sarawak dan Sabah.

Morfem { mE + N- } Dan { eN- }

Secara sinkronik, dengan berpandukan kepada BM moden, awalan { me + N- } memainkan peranan sebagai mewujudkan kata kerja aktif. Walaupun begitu dalam dialek-dialek Melayu tidak pula sedemikian halnya, kerana unsur nasal adalah sebahagian daripada kata dasar dan tidak sebagai awalan (Asmah Haji Omar, 1995[b]:38).

Sebaliknya dalam Bib, selain daripada unsur-unsur nasalisasi yang membentuk kata kerja aktif, terdapat satu lagi morfem nasal dalam morfologinya, iaitu { eN- } dan kata kerja yang mengambil morfem ini adalah tak transitif. Morfem { eN- } dalam Bib terdiri daripada tiga alomorf dan hadir bersama-sama konsonan berikut (rujuk Asmah Haji Omar, 1983:53):

1. Alomorf / em- / sebelum plosif bilabial

2. Alomorf /en-/ sebelum konsonan alveolar dan palatal
3. Alomorf /eng-/ sebelum plosif velar

Alomorf Unsur Pertama Kata Akar

1. /em-/ /p/, /b/
2. /en-/ /t/, /d/
/c/, /j/
/s/
/l/
/r/
3. /eng-/ /k/, /g/

Bagaimanapun, kehadiran morfem { eN- } dalam B1b mempunyai entiti yang berlainan dengan nasalisasi dan ini menjadikan kedua-duanya kadangkala boleh berkontras atau boleh beralternasi di antara satu sama lain (sila lihat Asmah Haji Omar, 1983:54–55).

Di samping itu, BM juga turut berkecenderungan menambahkan suku kata yang terdiri daripada e(N)- pada kata akar, terutama kata ekasuku tetapi e(N)- di sini tidak bertaraf morfem (Asmah Haji Omar, 1995([b]:35) sebagaimana B1b. Kadang-kadang secara lisan unsur nasal boleh digugurkan dan kehadirannya dalam BM hanya berfungsi fonologi (Asmah Haji Omar, 1995:37), malah tanpanya kata tersebut masih difahami, misalnya dalam perkataan-perkataan berikut:

1. əngkau → kau
2. əmpat → pat
3. əma? → ma?
4. əmas → mas

Seterusnya Asmah Haji Omar (lihat 1995([b]:35–36) mengandaikan bahawa e(N)- wujud dalam BM sebelum kata-kata ini menerima awalan { pe- } atau { me- }. Gejala ini berkemungkinan juga wujud dalam dialek-dialek Melayu, terutama apabila melibatkan konsonan bersuara dan konsonan yang berciri palatal yang hadir pada lingkungan awal kata. Sebagaimana B1b, ada kalanya eN- dan nasalisasi yang terdapat dalam dialek-dialek Melayu, misalnya subdialek Kuala Kangsar boleh beralternasi bebas (rujuk Rohani Mohd Yusof, 1986). Perhatikan sebahagian daripada contoh-contoh berikut:

1. /əmbak ə / → /mak ə / = 'membakar'

2. /ənciyom/ → /ciyom/ = 'mencium'
3. /ənjald/ → /jal/ = 'menjala'

/ə/ = Vokal tengah

/ɔ/ = Vokal belakang separuh luas

Kemungkinan variasi nasal dan { eN- } dalam dialek Perak di atas adalah sebagai peralihan dan perwajaran dalam kehadiran morfem { me- } berserta gabungan ciri-ciri nasal dengan bunyi-bunyi bersuara. Walaupun dalam BM, e(N)- telah hilang ciri-ciri morfologinya tetapi jika dilihat dalam bahasa-bahasa serumpun selain daripada BIb, bentuk { eN- } masih produktif sebagai sebahagian daripada proses pembentukan kata atau proses morfemik. Ini dapat dilihat misalnya dalam bahasa Bajau, bahasa Murut dan bahasa Sumambuq (lihat Asmah Haji Omar, 1983), termasuk juga bahasa Jawa. Bagaimanapun, bahasa-bahasa ini memperlihatkan penggunaan awalan { a(N)- } dan ini boleh dianggap sebagai variasi kepada { e(N)- }. Bagi bahasa Murut dan bahasa Sumambuq, kehadiran awalan { a(N)- } boleh menunjukkan ciri-ciri aspek dan modalitas (lihat Asmah Haji Omar, 1983). Lihat contoh-contoh berikut:

Bahasa Bajau

1. /aŋðkot/ = mengikat
2. /anulak/ = menolak

Bahasa Murut

1. /ampikit/ = akan menjahit
2. /amorok/ = mengecilkan
3. /amario/ = memandikan
4. /aŋkaraja/ = akan bekerja
5. /aŋasak/ = akan memasak


Bahasa Sumambuq

1. /ambal/ = ingin membuat
2. /animbul/ = ingin lari
3. /aŋakan/ = ingin makan
4. /aŋira/ = ingin mengira
5. /ansapuk/ = ingin menggunakan sumpitan

Bahasa Jawa

1. /ambyur / = menceburi (dalam air)
2. /anjlog / = melompat turun secara mendadak
3. /anslup / = memasuki (dalam air)

Seandainya kita bertunjangkan kepada bukti-bukti yang sedia ada dalam bahasa-bahasa serumpun berkenaan, maka sudah tentulah { eN- } telah sedia wujud dalam bahasa induk. Dalam melihat perkaitan BM dan BIb, Asmah Haji Omar dalam kajiannya (1995[b]:37) telah membuat andaian mengenai penurunan { eN- } daripada bahasa Proto Melayu-Iban seperti berikut:



Dengan berpandukan kepada rajah di atas, unsur eN- dalam BM yang berfungsi fonologi boleh memperlihatkan wujudnya ciri-ciri nasal atau penggugurannya tanpa menjejaskan makna atau bentuk kata tersebut (sila lihat contoh di hlm. 5).

Walau bagaimanapun, dalam perkembangan yang dilalui, kemungkinan BIb juga telah turut terpengaruh dengan BM. Hasil daripada pemerhatian dan penelitian terhadap kedua-dua bahasa, kemungkinan BIb telah terpengaruh dengan morfologi BM seperti mana yang berlaku pada alomorf /nge-/ (sila rujuk Asmah Haji Omar, 1981). Dalam hal ini didapati bahawa BIb telah menambahkan nasal /m/ sebelum morfem {eN-}. Ini secara tidak langsung telah menyimpang daripada peraturan diakronik dan menyumbangkan ke arah perkembangan sinkronik. Misalnya ini dapat dilihat daripada contoh-contoh berikut:

1. /əŋkukok / → /məŋkukok / = berkokok
2. /əŋkəcit / → /məŋkəcit / = melompat; meloncat

3. / ðncðlak / → / mðncðlak / = mencelikkan mata; membuka mata
4. / ðnsðpot / → / mðnsðpot / = bernafas
5. / ðnsianj / → / mðnsianj / = mencuci; membersihkan
6. / ðŋkanjoŋ / → / mðŋkanjoŋ / = melompat
7. / ðŋkiak / → / mðŋkiak / = bunyi berkiak
8. / ðnsðlit / → / mðnsðlit / = menyelit; terselit
9. / ðntua / → / mðntua / = mentua; mertua

Jika inilah peringkat yang dilalui oleh Bib dalam memperlihatkan perkembangannya, maka hal yang sama telah turut berlaku dalam BM pada peringkat yang lebih awal lagi sebelum kata-kata ini menerima awalan { pe- } atau { me- } (lihat Asmah Haji Omar, 1995[b]:36). Malah melalui proses ini juga dapat memperkuatkan lagi hipotesis bahawa e(N)- memang wujud pada peringkat awal perkembangan BM terutamanya pada kata dasar yang dimulai oleh konsonan bersuara. Pada peringkat ini e(N)- berfungsi morfologis berbanding dengan keadaannya pada masa ini. Walau bagaimanapun, dengan membandingkan bukti-bukti daripada korpus yang sedia ada daripada BM, perkembangan yang e(N)- adalah perkembangan kemudian selepas proses nasalisasi.

Selain daripada perkembangan dalam morfem { eN- }, Bib turut memperlihatkan penggunaan morfem { me- }. Daripada pemerhatian, ini berlaku pada kata dasar yang menerima fonem likuida / l / dan / r /. Walaupun pada hakikatnya kata-kata sebegini menerima alomorf / nge- /, tetapi dalam banyak contoh / me- / terus wujud sebagai variasi kepada / nge- /. Jika berbalik kepada etimologi bahasa-bahasa serumpun, awalan { me- } atau yang sejajar sememangnya wujud sebagai sebahagian daripada proses morfologi (sila rujuk Asmah Haji Omar, 1983). Maka secara tidak langsung gejala pengaruh-mempengaruhi ini akan terus wujud dalam perkembangan bahasa.

Nasalisasi dalam Bahasa-bahasa Austronesia

Proses nasalisasi atau penyengauan adalah proses yang menggantikan fonem pertama kata akar dengan satu bunyi yang sealat. Berdasarkan analisis kepada data yang terkumpul, ternyata gejala nasalisasi adalah sebagai sebahagian daripada unsur kata kerja aktif. Ini bukan sahaja berlaku dalam BM, tetapi bagi kebanyakan bahasa serumpun yang tergolong dalam rumpun Austronesia. Menurut Asmah Haji Omar (1983:65);

“Simulfixation always involves nasalization of the first phoneme of the root.”

Daripada kenyataan di atas, simulfiks mempunyai ciri-ciri nasalisasi sealat yang ditambah atau diganti pada bahagian awal kata bergantung kepada ciri-ciri fonem kata akar seperti yang dijelaskan dalam kenyataan berikut;

"If this phoneme is a consonant, then simulfixation means the replacement of this phoneme by a homorganic nasal. Should the first phoneme concerned be a vowel, then simulfixation means placing a nasal phoneme before the vowel concerned." (Asmah Haji Omar, 1983:65)

Pada amnya bahasa-bahasa Austronesia yang memperlihatkan wujudnya gejala nasalisasi ini mempunyai peraturan yang keseluruhannya adalah sama. Walaupun BM Standard tidak memperlihatkan adanya ciri-ciri ini, tetapi keadaan ini secara nyata wujud sebelum sesuatu kata menerima morfem { pe- } dan { me- }. Namun begitu gejala nasalisasi secara nyata berlaku pada variasi-variasi BM yang lain.

Manakala dalam BIb pula, terdapat dua bentuk nasalisasi, iaitu nasalisasi dan morfem { eN- } (sila rujuk Asmah Haji Omar, 1981). Bentuk nasalisasi dalam BIb terdiri daripada tiga alomorf, iaitu:

1. / ~ /
2. / nge- /
3. / Ø /

Seterusnya morfem { eN- } pula diwakili oleh alomorf-alomorf berikut, iaitu:

1. / em- /
2. / en- /
3. / eng- /

Setiap alomorf nasalisasi dalam BIb ini mempunyai persamaan dengan dialek-dialek Melayu atau imbuhan-imbuhan yang sejajar dengan BM. Berdasarkan penelitian, proses nasalisasi boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu nasalisasi pengganti dan nasalisasi penambah.


Nasalisasi dalam Bahasa Melayu

Bunyi nasal dalam BM, terutamanya BM Standard hadir serentak dengan awalan { me- } atau { pe- } dan akan timbul dengan nyata dalam lingkungan-lingkungan tertentu (Asmah Haji Omar, 1995[b]:30). Keadaan ini menjadikan

buku-buku nahu sinkronik menandakan penulisan awalan-awalan berkenaan sebagai { me[N]- } dan { pe[N]- } (lihat Asmah Haji Omar, 1995[b]:30). Sungguhpun demikian terdapat juga lingkungan yang tidak menunjukkan timbulnya unsur sengau, iaitu sebelum konsonan likuida dan kadang-kadang sebelum separuh vokal.

Bagaimanapun, kajian terhadap dialek-dialek Melayu dan bahasa-bahasa serumpun serta kajian oleh Asmah Haji Omar terhadap teks abad ke-16 menunjukkan proses penambahan yang berlainan daripada yang diutarakan oleh ahli-ahli sinkronik kini (rujuk Asmah Haji Omar, 1995[b]:31). Daripada bukti-bukti yang ada dalam korpus kajian tersebut menunjukkan bahawa unsur-unsur sengau merupakan ciri kata dasar sebelum menerima awalan { me- } atau { pe- }. Oleh yang demikian, di sini dengan jelas menunjukkan bahawa unsur sengau mempunyai fungsi morfemik dalam dialek dan bahasa-bahasa berkenaan (untuk keterangan sila rujuk Asmah Haji Omar, 1995[b]:31). Malah dengan pertimbangan-pertimbangan ini, maka wujud bentuk { me + N- } dan { pe + N- }. Seperti mana BIb, unsur nasal atau N dalam kedua-dua morfem di atas mewakili bunyi-bunyi / m /, / n /, / ø / dan / N /.

Dalam BM, awalan { me + N- } terdiri daripada senarai beberapa alomorf seperti berikut:



Morfem { meN- } dan Nasalisasi sebagai KN

Dalam perbincangan mengenai morfem { meN- } dan nasalisasi memperlihatkan bahawa kewujudannya bersama-sama unsur akar membentuk kata kerja aktif. Begitu juga dengan morfem { eN- } yang terdapat dalam BIb atau bentuk yang hampir sama dengannya yang terdapat dalam bahasa-bahasa bumiputera yang lain (sila rujuk hlm. 6) akan membentuk kata kerja aktif. Walau bagaimanapun, jika diteliti daripada kata-kata tertentu baik dalam BM mahupun BIb, terdapat juga senarai kata-kata yang memperlihatkan wujudnya gejala nasalisasi, termasuklah unsur morfem { en- } (sila rujuk Asmah Haji Omar, 1981) mempunyai fungsi kata nama. Ini membuktikan bahawa suatu ketika lalu, ciri-ciri nasal turut menyumbang ke arah pembentukan kata nama sebagaimana juga imbuhan-

imbuhan lain selain daripada imbuhan kata nama sendiri dengan pola yang teratur (lihat contoh-contoh di hlm. 12).

Sungguhpun demikian, pada waktu ini pembentukan ciri-ciri nasal sebagai kata nama sudah tidak produktif lagi. Kebanyakan imbuhan telah mempunyai bentuk dan fungsi yang mantap dalam proses morfologi. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa kata-kata yang mempunyai unsur nasal sebagai kata nama atau yang berkaitan adalah sebagai unsur nahan beku (Asmah Haji Omar, 1995[b]:40). Malah peraturannya juga adalah sama seperti yang berlaku pada kata kerja.

Berdasarkan data yang dikumpulkan, pembentukan kata nama melalui penggunaan morfem { me- } lebih ketara dalam BM. Manakala Bib pula lebih cenderung menggunakan morfem { eN- } dalam pembentukan kata namanya. Perhatikan antara contoh-contoh berikut:

Bahasa Melayu

1. / mɔmpulur /	=	mempulur
2. / mɔmpɔlas /	=	mempelas (sejenis tumbuhan)
3. / mɔmpɔlam /	=	mempelam
4. / mɔntimun /	=	mentimun; timun
5. / mɔntibang /	=	mentibang; ulat gonggok
6. / mɔŋkaruŋ /	=	mengkarung (hidupan)
7. / mɔŋkuang /	=	mengkuang (tumbuhan)
8. / mɔŋkudu /	=	mengkudu (tumbuhan)
9. / mɔŋkula /	=	mengkula; bunga tanjung
10. / mɔranti /	=	meranti (tumbuhan)
11. / mɔrbaw /	=	merbau (tumbuhan)
12. / mɔrjaguŋ /	=	merjaguŋ (tumbuhan)
13. / mɔrtajam /	=	mertajam (nama tempat)
14. / mɔrtua /	=	mertua

Bahasa Iban

1. / ɔmbawan /	=	sejenis tumbuhan
2. / ɔmpɔlias /	=	sejenis haiwan
3. / ɔmpɔlasi /	=	sejenis haiwan
4. / ɔnsɔra /	=	cerita
5. / ɔnsɔluay /	=	seluang (sejenis ikan)
6. / ɔntɔkay /	=	labu
7. / ɔntimun /	=	mentimun; timun

- | | |
|----------------------------|------------------|
| 8. /əntua / ~ / məntua / = | mertua |
| 9. /əntəməni / = | tembuni |
| 10. /əŋkabaŋ / = | sejenis tumbuhan |
| 11. /əŋkudu / = | mengkudu |
| 12. /əŋkuang / = | mengkuang |
| 13. /məlaki-bini / = | suami isteri |
| 14. /mə'adik / = | adik |
| 15. /mə'anak / = | anak-beranak |

Walaupun kata 'mentua' daripada contoh dalam Bib di atas atau 'mertua' juga 'mentua' dalam BM merupakan kata nama, di sini telah menunjukkan bahawa proses yang sama telah berlaku dalam kedua-dua bahasa. Ini kemungkinan telah menyimpang sedikit daripada peraturan biasa. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa kemungkinan me + (N) atau nasalisasi ini boleh menjadi kata nama kerana dalam BM dan Bib terdapat kata-kata yang didahului oleh bentuk-bentuk sedemikian berfungsi sebagai KN (sila rujuk hlm. 15). Oleh yang demikian, secara tidak langsung, kewujudan kata 'entua' yang terdapat dalam Bib dan kemudiannya 'mentua' dalam BM memperkuat bukti bahawa tambahan ciri-ciri nasal kepada bentuk e(N)-adalah perkembangan yang terkemudian.

Seterusnya juga dengan berpandukan contoh-contoh di atas, rata-rata dalam BM imbuhan nasal yang mewakili kata nama adalah { me + N- }. Awalan { mer- } dalam BM adalah sebagai kata nama mahupun kata kerja dan dianggap sudah tidak produktif lagi (Asmah Haji Omar, 1993[a]:133). Namun demikian awalan { mer- } masih aktif sebagai imbuhan kata kerja dalam bahasa-bahasa serumpun yang lain, misalnya bahasa Jawa dan awalan ini sejajar dengan awalan { ber- } dalam BM. Manakala dalam Bib ciri nasal hanya terdiri daripada e(N)-. Penyimpangan daripada pola ini hanya terdapat pada kata 'melaki-bini'. Bagaimanapun, kata 'mentua' dalam Bib dapat dianggap sebagai perkembangan kemudian kerana terdapat kata 'entua'. Penambahan unsur / m / kemungkinan akibat pengaruh daripada BM. Dalam BM, selain daripada penggunaan kata 'mertua', kadang-kadang dalam kebanyakan dialek diujarkan juga sebagai 'mentua'. Kemungkinan peringkat-peringkat ini boleh dirumuskan seperti berikut:

tahap I →	tahap II →	tahap III
entua	mentua	mertua

Di samping itu, nasalisasi adalah suatu gejala perubahan bunyi yang sering berlaku dalam dialek-dialek Melayu yang tidak perlu hanya terbatas

pada kata kerja (Asmah Haji Omar, 1995[b]:109), tetapi wujud juga dalam kata nama. Misalnya dalam dialek Kedah wujud 'mendang' daripada kata 'bendang' (sila rujuk Asmah Haji Omar, 1995[b]:109), manakala dalam dialek Perak ada kalanya terdapat kata 'menatang' dan 'manyak' untuk perkataan 'binatang' dan 'banyak'. Bagaimanapun, penggunaan fonem awal sama ada / b / atau / m / adalah bunyi-bunyi yang sealat. Seterusnya dalam dialek-dialek Melayu, ada kalanya kata nama menggunakan imbuhan { me + N- } seperti contoh-contoh daripada BM di atas yang sejajar dengan { e(N)- }. Dalam hal ini fonem nasal / m / mengalami pengguguran. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Dialek Perak

1. / əmpul ɔ / = mempulur
2. / əmpəlam / = mempelam
3. / əmpəleh / = mempelas
4. / əntimun / = mentimun; timun
5. / əŋkudu / = mengkudu
6. / əŋkaruŋ / = mengkarung
7. / əŋkuang / = mengkuang

Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa bentuk e(N)- memang sedia wujud dalam bahasa induk yang kemudiannya berlaku perkembangan dalam bahasa turunan. Jika diandaikan demikian halnya, maka perkembangan ini dapat dirumuskan seperti berikut:

$$e(N) \rightarrow me + e(N) \rightarrow me + N-$$

Seterusnya rumus di atas boleh diterapkan pada kata-kata daripada contoh dialek Perak di atas yang kemudiannya membentuk kata-kata bagi BM Standard, iaitu:

- | | | | | | | |
|--------------|---|----|---|-----------|---|------------|
| 1. empulur | → | me | + | empulur | → | mempulur |
| 2. empelam | → | me | + | empelam | → | mempelam |
| 3. empelas | → | me | + | empelas | → | mempelas |
| 4. entimun | → | me | + | entimun | → | mentimun |
| 5. engkudu | → | me | + | engkudu | → | mengkudu |
| 6. engkarung | → | me | + | engkarung | → | mengkarung |
| 7. engkuang | → | me | + | engkuang | → | mengkuang |

Dengan berlandaskan contoh-contoh di atas dan berasaskan pada per-

bincangan mengenai urutan / me + N / dalam BM, tentulah kehadiran fonem nasal / m / dalam / eN- / adalah sesuatu yang berlaku kemudian dan ini sejajar daripada pembentukan awalan { me- }. Oleh yang demikian, kehadiran ciri-ciri nasal / N / dalam awalan { me- } adalah sesuatu yang sedia wujud sejak dari awal dan kehadiran / me- / adalah terkemudian pembentukannya.

Di samping contoh-contoh di atas, didapati terdapat juga kata-kata yang menerima morfem { eN- } dalam BIb sedangkan dalam BM tidak menerima sebarang imbuhan. Misalnya dalam contoh-contoh berikut:

BM Standard Bahasa Iban

- | | | |
|------------|---|------------|
| 1. tali | → | entali |
| 2. katak | → | engkatak |
| 3. kundur | → | engkundur |
| 4. kurma | → | engkerema |
| 5. keranji | → | engkeranji |

Dalam menyentuh gejala nasal dengan fungsi kata nama, daripada analisis juga didapati wujudnya semacam morfem nasal dengan fungsi yang sama tetapi menunjukkan ciri-ciri jamak yakni ‘beberapa jenis’ atau ‘sekelompok’. Gejala seperti ini didapati berlaku dalam BIb dan unsur yang menunjukkan ciri-ciri jamak ini adalah / mere- /. Perhatikan contoh-contoh berikut:

- | | | |
|---------------|---|----------------------------|
| 1. merebadau | } | |
| 2. merebatu | } | = beberapa jenis pokok |
| 3. merebubok | } | |
| 4. meregading | } | |
| 5. meregalang | } | |
| 6. meregasing | } | = beberapa jenis pokok |
| 7. merekunyit | } | |
| 8. merenyaman | } | |
| 9. merenyamok | } | |
| 10. merjanta | = | manik kecil berbagai warna |
| 11. mereketak | = | beberapa jenis pokok kecil |
| 12. meresiang | = | beberapa jenis ular |

Dalam memperkatakan ciri-ciri jamak daripada unsur nasal didapati bahawa dialek Perak menunjukkan kewujudan gejala ini, tetapi pada bentuk

ganti nama. Unsur jamak yang biasa terdapat dalam dialek Perak ini adalah / me- / dan hadir pada bahagian akhir sesuatu ganti nama. Bagaimanapun, menurut Asmah Haji Omar (1995[b]:111), unsur / me- / adalah kependekan daripada perkataan 'semua'. Misalnya:

- | | | |
|---------------------------|---|------------------------|
| 1. / kumə / | = | kami semua |
| 2. / kəmə / | = | kami semua |
| 3. / komə / ~ / məŋkomə / | = | kamu semua; awak semua |
| 4. / məŋkəmə / | = | kamu semua; awak semua |
| 5. / demə / | = | mereka |

KESIMPULAN

Pada amnya kehadiran ciri-ciri nasal dalam proses morfologi bahasa-bahasa Austronesia membentuk kata kerja aktif. Nasalisasi akan mengakibatkan fonem pertama kata dasar digantikan oleh fonem nasal yang homogan. Bagaimanapun, dalam analisis BM standard, secara sinkronik gejala nasalisasi hadir serentak dengan morfem { pe- } dan { me- }. Malah keadaan ini secara tidak langsung menjadikan ahli-ahli bahasa sinkronik berpendapat bahawa ciri-ciri nasal adalah sebahagian daripada morfem-morfem tersebut. Namun demikian bukti-bukti daripada korpus kajian menunjukkan dan mengukuhkan pendapat yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (1995[b]) bahawa ciri-ciri nasal wujud sebelum kata berkenaan menerima { pe- } dan { me- }.

Malah dengan mengaplikasikan ciri-ciri nasal kepada kata-kata tertentu, membuktikan bahawa penyengauan fonem pertama kata akar adalah morfem dalam BM kerana terdapat kata yang boleh disusun galur bentuknya sama ada dari BM atau bahasa-bahasa serumpun, misalnya:

- | | | |
|-----------|---|--------|
| 1. pinta | → | minta |
| 2. pangan | → | makan |
| 3. pudik | → | mudik |
| 4. tampak | → | nampak |

Selain daripada unsur nasalisasi, B1b juga memiliki morfem { eN- } yang menghasilkan kata kerja tidak transitif. BM juga turut berkecenderungan menggunakan unsur e(N)- dalam kata, tetapi cuma berfungsi fonologi dan kadang-kadang boleh digugurkan. Walaupun e(N)- dalam BM telah hilang ciri-ciri fonologinya, tetapi e(N)- wujud sebagai morfem dalam bahasa-bahasa serumpun dengan variasinya seperti a(N)- (rujuk Asmah Haji Omar, 1983). Oleh itu, dengan bertunjang pada bukti-bukti yang ada, unsur e(N)-

sememangnya wujud dalam bahasa induk. Kemungkinan kehadiran e(N)-dalam kata pada peringkat perkembangan seterusnya mempengaruhi wujudnya nasalisasi penambah pada kata dasar yang dimulakan oleh fonem bersuara.

Walau bagaimanapun, dengan berpandukan kepada data yang terkumpul, didapati bahawa pada peringkat awal, nasalisasi boleh membentuk kata nama selain daripada berfungsi sebagai kata kerja. Kebiasaannya kata nama yang terhasil melalui unsur-unsur nasal masih terlihat pada nama tempat, nama binatang dan nama tumbuh-tumbuhan (sila rujuk contoh-contoh di hal. 12–16). Bagaimanapun, kini bentuk-bentuk berkenaan hanya berupa tinggalan daripada sejarah lampau.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1981. *The Iban Language Of Sarawak: A Grammatical Description*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1983. *The Malay People of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1989. "Perkaitan Bahasa Melayu dengan Bahasa Iban dari Segi Sejarah". Kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu: Persoalan Warisan dan Kini, di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 21–23 Ogos 1989.
- Asmah Haji Omar, 1991(a). *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu* (Edisi Kedua), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar, 1991(b). *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu 'Aqaid' Al-Nasafi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir* (edisi keempat), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar, 1995(a). *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk* (Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar, 1995(b). *Rekonstruksi Kata Dalam Bahasa Melayu Induk* (Siri Monograf Bahasa Melayu), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- E.H. Sturtevant, 1973. *Linguistic Change: An Introduction To The Historical Study of Language*, Phoenix Books, The University of Chicago (Fifth Impression).
- Gorys Keraf, 1984. *Linguistik Bandingan Historis*, P.T. Jakarta: Gramedia.

- Rohani Mohd Yusof, 1986. "Subdialek Kuala Kangsar: Satu Kajian Perbandingan Fonologi". Tesis untuk Memenuhi Syarat-syarat Keperluan Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rohani Mohd Yusof, 1999. "Perbandingan Morfologi Bahasa Melayu dan Bahasa Iban". Tesis untuk Memenuhi Syarat-syarat Keperluan Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Theodora Bynon, 1977. *Historical Linguistics*. Cambridge University Press, London.
- William Bright (ed.). *Historical Linguistics: An Introduction*. Oxford and Publishing Company.
- Winfred P. Lehmann, 1973. *Historical Linguistics: An Introduction* (Third Indian Reprint), Oxford and IBH Publishing Co. Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Winfred P. Lehmann, 1993. *Historical Linguistics* (Third Edition), Routledge London and New York.